

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pendahuluan**

Dalam Bab 1, pengkaji membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga kajian lepas EA. Bab 2 pula membincangkan kerangka teoritis EA dan CA serta pendekatan nahu Teramura (1975).

Bab 3 menumpukan kepada metodologi kajian di mana prosedur kajian dan langkah-langkah yang dijalankan untuk mendapatkan data-data kajian dijelaskan. Seterusnya, dalam Bab 4, analisis data dibuat berdasarkan ujian yang telah dijalankan. Dengan menggunakan analisis data yang diperolehi, pengkaji mengenal pasti kesilapan pelajar dan seterusnya menjelaskan punca-punca kesilapan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun. Dalam bab ini, tiga daripada empat objektif kajian ini iaitu ① mengenal pasti → ② mengklasifikasi → dan ③ mencari punca kesilapan telah dikemukakan.

Bab 5 akan membincangkan tentang rumusan kajian, diikuti dengan cadangan untuk mengatasi masalah pembelajaran kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun, iaitu objektif terakhir kajian ini. Bab ini diakhiri dengan cadangan kajian lanjutan.

## **5.2 Rumusan Kajian**

Dalam sistem kata kerja bahasa Jepun, antara aspek yang menimbulkan permasalahan di kalangan pelajar adalah penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif. Kata kerja transitif dan tak transitif ini bukanlah suatu perkara yang baru bagi pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa asing, tetapi perbezaan sistem antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran tersebut menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam proses pemerolehan bahasa berkenaan. Begitu juga dalam kes kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun ini.

Walaupun dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan kesilapan yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor intralingual, perbezaan dalam sistem kedua-dua bahasa tersebut merupakan punca pelajar membuat peraturan bahasa yang baru sebagai salah satu strategi pembelajarannya. Pembinaan formula atau peraturan bahasa di kalangan pelajar adalah merupakan perkara biasa kerana ia merupakan sebahagian dari proses pembelajaran.

Pelajar sentiasa menggunakan berbagai-bagai strategi dalam usaha memperolehi sesuatu pengetahuan. Pembinaan rumus atau peraturan bahasa oleh pelajar ini tidak kira sama ada ianya betul atau salah, dapat memberi maklum balas kepada pengajar tentang proses pembelajaran yang berlaku dalam diri pelajar dan penemuan ini dapat membantu pengajar untuk memahami kesilapan pelajar dan merancang satu strategi pengajaran yang lebih efektif.

Dalam bahasa Melayu, penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif juga wujud tetapi pembinaan kata kerja tersebut bergantung kepada penggunaan imbuhan sama ada imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan tanpa berlakunya perubahan pada kata dasarnya (kecuali pada kata-kata yang bermula dengan huruf p, t, k dan s (Nik Safiah Karim, 1993).

Menurut Thaiyibah (1997:128) pula dalam bukunya Nahu Bahasa Jepun, dalam bahasa Melayu secara umumnya kata kerja yang dibentuk dengan awalan *ber-* bersifat tak transitif dan kata kerja berawalan *meN-* yang disertai oleh akhiran *-kan* dan *-i* bersifat transitif. Tetapi dalam bahasa Jepun, kata kerja transitif dan tak transitif adalah merupakan dua kata kerja yang berlainan dan berbeza dengan bahasa Melayu, tidak terdapat cara tertentu untuk mengenal pasti kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun.

**JADUAL 20: Pembentukan kata kerja dalam bahasa Melayu dan corak kata kerja dalam bahasa Jepun**

<b>Kata Kerja Dasar</b>	<b>Bahasa Melayu</b>		<b>Bahasa Jepun</b>	
	<b>Transitif</b>	<b>Tak transitif</b>	<b>Transitif</b>	<b>Tak transitif</b>
Buka	<b>membuka</b>	<b>terbuka</b>	<i>akERU</i>	<i>akU</i>
Bakar	<b>membakar</b>	<b>terbakar</b>	<i>yakU</i>	<i>yakERU</i>
Ubah	<b>mengubah</b>	<b>berubah</b>	<i>kaERU</i>	<i>kawARU</i>
Tambah	<b>menambahkan</b>	<b>bertambah</b>	<i>fuyASU</i>	<i>fuERU</i>

Jadual 20 jelas menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat suatu rumus am dalam pembentukan kata kerja transitif dan tak transitif. Dalam pembentukan kata kerja transitif, imbuhan *meng-*, *mem* dan *men...kan* digunakan manakala dalam pembentukan kata kerja tak transitif, awalan *ber-* atau *ter-* digunakan.

Bagaimanapun, jika dilihat bentuk kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun, perkataan *akeru* (membuka) dan *yakeru* (terbakar) masing-masing mempunyai akhiran *-eru* yang sama tetapi *akeru* adalah kata kerja transitif sementara *yakeru* pula kata kerja tak transitif. Begitu juga dengan perkataan *yaku* (membakar) dan *aku* (terbuka) yang mempunyai akhiran *-u* yang sama tetapi *yaku* merupakan kata kerja transitif manakala *aku* merupakan kata kerja tak transitif.

Dengan membandingkan pembinaan kata kerja transitif dan tak transitif di antara dua bahasa ini, jelas bahawa dalam bahasa Melayu, imbuhan awal *meN-* dan disusuli atau tidak disusuli dengan imbuhan akhir *-kan* akan menghasilkan kata kerja transitif sementara imbuhan awal *ter-* atau *ber-* menghasilkan kata kerja tak transitif. Dengan mengaplikasikan penggunaan imbuhan berkenaan, pelajar dapat membina kata kerja transitif dan tak transitif. Begitu juga sebaliknya, dengan melihat pada imbuhan berkenaan, pelajar dapat mengenal pasti sama ada sesuatu kata kerja itu adalah kata kerja transitif atau tak transitif.

Bagaimanapun dalam bahasa Jepun, disebabkan oleh ketidaktetapan dalam bentuk kata kerja transitif dan tak transitif, pelajar menghadapi masalah untuk membezakan kedua-dua kata kerja tersebut. Berbeza dengan bahasa Melayu, dalam

bahasa Jepun pelajar tidak dapat mengenal pasti kata kerja transitif dan tak transitif sesuatu pasangan kata kerja dengan hanya berdasarkan pada bentuk kata kerja tersebut.


Masalah ini menjadi lebih rumit lagi dengan adanya pasangan kata kerja transitif dan tak transitif yang mempunyai bentuk yang hampir sama. Kadang-kadang perbezaan terdapat pada hanya satu fonem vokal sahaja (Contoh: /simeru/ : /simaru/ ). Selain daripada itu, variasi bentuk pasangan kata kerja yang terlalu banyak menyulitkan pelajar untuk membuat satu formula yang mudah diingati.

Perbezaan tentang bentuk kata kerja kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun dapat dilihat dengan lebih jelas lagi pada susunan kosa kata dalam kamus kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Dalam kamus bahasa Melayu, perkataan ‘membuka’ atau ‘terbuka’ tersenarai di bawah kata akar ‘buka’. Sebaliknya dalam kamus bahasa Jepun, perkataan *akeru* dan *aku* terpaksa disemak secara berasingan kerana kedua-dua kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun ini dianggap sebagai perkataan yang berdiri sendiri (*独立語*).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam aspek-aspek berikut:

1. keliru tentang penggunaan kata kerja Kategori D1 (-u : -eru) and D2 (-eru : -u)

2. keliru tentang penggunaan kata kerja tak transitif Kategori B2 (-*reru*:-*ru*) yang menyerupai kata kerja kemampuan. Contohnya:



3. keliru tentang penggunaan partikel *o* dan *ga*  
4. keliru tentang maksud pasangan kata kerja *azukeru* / *azukaru*  
5. kurang memahami maksud perkataan-perkataan seperti *terasu*, *okurasu*

Sekiranya masalah 1, 2 dan 3 ditangani dari peringkat awal iaitu pada peringkat pengenalan, ianya mungkin dapat dikurangkan. Masalah 4 dan 5 dapat diatasi dengan menguruskannya secara berasingan disebabkan ia terhad kepada kata kerja tertentu sahaja.

### 5.3 Cadangan untuk Mengatasi Masalah Pembelajaran Pelajar

Berdasarkan masalah-masalah yang timbul dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif di kalangan pelajar yang telah dikenal pasti melalui kajian kesilapan ini, berikut diberi beberapa cadangan bagi mengatasi masalah pembelajaran ini.

#### 5.3.1 Kata Kerja Berpasangan

Dalam bahasa Melayu, penggunaan imbuhan dapat menukar fungsi kata kerja kepada kata kerja transitif atau tak transitif. Dalam bahasa Jepun, aspek kata kerja ini lebih rumit kerana terdapat tiga kumpulan kata kerja iaitu:

- (a) kata kerja transitif sahaja
  - (b) kata kerja tak transitif sahaja dan
  - (c) kata kerja pasangan transitif dan tak transitif.

Berhubung dengan kata kerja kumpulan (a) dan (b), pelajar jarang menghadapi masalah kerana hanya terdapat satu kata kerja sahaja sama ada transitif atau tak transitif. Untuk kumpulan kata kerja transitif, disebabkan ketiadaan pasangan kata kerja tak transitif, bentuk pasif bagi kata kerja tersebut digunakan bagi mengisi peranan kata kerja tak transitif.

Contoh : *yomu* (transitif) → *yomareru* (pasif)

Untuk kata kerja kumpulan (b) pula, disebabkan ketiadaan pasangan kata kerja transitif, bentuk kausatif bagi kata kerja tersebut digunakan bagi memenuhi keperluan kata kerja transitif.

Contoh : *aruku* (tak transitif) → *arukaseru/arukasu* (kausatif)

berjalan membuat (seseorang) berjalan

Dengan itu, seboleh yang mungkin kata kerja berpasangan transitif dan tak transitif perlu diajar serentak bagi memudahkan pelajar mendapat gambaran keseluruhan, iaitu meliputi ketiga-tiga kumpulan (a), (b) dan (c) yang disebut di atas.

### **5.3.2 Kata Kerja dan Partikel**

Pada kelazimannya, kata kerja transitif ditakrifkan sebagai kata kerja yang memerlukan partikel *o* dan kata kerja tak transitif sebagai kata kerja yang memerlukan partikel *ga*. Di peringkat elementari pelajar telah diajar tentang penggunaan kedua-dua partikel ini bersama dengan partikel-partikel lain.

Dari segi teori, pelajar jelas dan faham tentang penggunaan kedua-dua partikel di atas. Bagaimanapun, dalam latihan partikel pelajar biasanya menghadapi masalah untuk memilih partikel yang betul, bukan kerana tidak tahu penggunaan partikel tetapi kerana tidak dapat mengenal pasti sama ada sesuatu kata kerja itu adalah kata kerja transitif atau tak transitif.

Begitu juga sebaliknya, dalam latihan kata kerja transitif dan tak transitif, dengan melihat pada partikel dalam sesuatu ayat, pelajar tahu bahawa partikel *o* perlu disusuli dengan kata kerja transitif tetapi pelajar menghadapi masalah untuk memilih jawapan yang betul kerana tidak dapat mengenal pasti kata kerja transitif dan tak transitif.

Dalam hal ini, jelas bahawa pengetahuan tentang penggunaan partikel sahaja tidak mencukupi untuk pelajar mengenal pasti kedua-dua kata kerja berkenaan. Cara yang terbaik untuk pelajar menggunakan kata kerja dengan partikel yang betul ialah dengan mempelajari setiap kata kerja bersama-sama dengan partikelnya sekali.

Contoh:

<u>Kata kerja tak transitif</u>		<u>Kata kerja transitif</u>
~ga kieru (padam)	↔	~o kesu (memadamkan)
~ga deru (keluar)	↔	~o dasu (mengeluarkan)
~ga kawaru (bertukar)	↔	~o kaeru (menukar)
~ga yabureru (terkoyak)	↔	~o yaburu (mengoyakkan)

Teknik memperkenalkan kata kerja dengan partikel ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah dari segi partikel *o* dan *ga* malah juga penggunaan kata kerja dengan partikel lain.

Contoh:

<i>Sensei ni kiku</i>	dan BUKAN	<i>sensei o kiku</i>
(Bertanya kepada guru)		
<i>Shitsumon ni kotaeru</i>	dan BUKAN	<i>shitsumon o kotaeru</i>
(Menjawab soalan)		

### 5.3.3 Kata Kerja Berpasangan yang Berkecuali

Setiap bahasa, walau betapa sistematik sekalipun, pasti mempunyai bahagian yang tidak memenuhi peraturan bahasa tersebut ataupun tidak ada penerangan yang dapat menerangkan mengapa berlaku sesuatu kelainan dalam penggunaan sesuatu bahagian ayat tersebut. Kelainan atau pengecualian dalam sesuatu bahasa ini perlu diperkenalkan secara berasingan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan ketika proses pembelajaran berlaku.

Antara pengecualian dalam kata kerja transitif dan tak transitif yang perlu didedahkan kepada pelajar adalah:

- (a) kata kerja akhiran *-eru* yang transitif
- kata kerja akhiran *-eru* yang tak transitif

Menurut Maruyama (1994:195), kebanyakan kata kerja akhiran *-eru* adalah merupakan kata kerja transitif dengan beberapa kekecualian. Antara kata kerja tak transitif yang mempunyai akhiran *-eru* adalah seperti *kieru* (padam), *deru* (keluar), *fueru* (bertambah), *heru* (berkurang), *oreru* (patah), *tokeru* (cair), *nagareru* (mengalir), *wareru* (pecah) dan *umareru* (lahir). Bagi mengurangkan berlakunya kekeliruan di kalangan pelajar, adalah wajar bagi pengajar untuk mendedahkan pelajar kepada senarai kata kerja yang terkecuali ini.

- (b) kata kerja tak transitif yang memerlukan partikel *o*

Dalam soalan 8, pelajar gagal mendapat jawapan yang betul kerana kekeliruan terhadap penggunaan partikel *o*. Partikel *o* seharusnya disusuli oleh kata kerja transitif tetapi ia tidak berlaku di sini. Walaupun pada dasarnya kata kerja tak transitif memerlukan partikel *ga*, terdapat beberapa pengecualian di mana kata kerja ini memerlukan partikel *o* seperti kata kerja transitif.

Bagi mengatasi masalah ini dan memudahkan pelajar untuk mengingati kata kerja dalam kumpulan ini, satu senarai pengecualian hendaklah dibina dan pelajar-pelajar didedahkan kepadanya. Selain daripada mendedahkan pelajar kepada senarai kata kerja berkecuali ini, pengajar juga harus memberi penjelasan mengapa kata kerja tak transitif berkenaan memerlukan partikel *o* dan bukan partikel *ga*.

Dengan melihat contoh pada Jadual 22, jelas bahawa kata kerja tak transitif *mawaru* (membelok), *wataru* (menyeberang), *tooru* (lalu), *oriru* (turun) dan *deru* (keluar) kesemuanya memerlukan partikel *o*. Kata kerja tak transitif yang memerlukan partikel *o* boleh dikategorikan kepada 2 kategori berikut iaitu:

(a) Kata kerja laluan

Kata kerja yang menunjukkan tempat laluan seperti *sora o tobu* (terbang di awan), *michi o aruku* (berjalan di jalanraya), *hashi o wataru* (menyeberang jambatan).

(b) Kata kerja titik permulaan/perpisahan

Kata kerja yang menunjukkan titik permulaan atau titik perpisahan *ie o deru* (keluar dari rumah), *basu o oriru* (turun dari bas), *kuni o saru* (meninggalkan negara).

Contoh:

JADUAL 21: Contoh kata kerja berpasangan yang berkecuali

Kata kerja transitif		Kata kerja tak transitif	
<i>Booru o mawasu</i>	Menghantar bola	<i>Koonaa o mawaru</i>	Belok di penjuru jalan
<i>Eda o mageru</i>	Melenturkan dahan	<i>Kado o magaru</i>	Belok pada selekoh
<i>Kami o watasu</i>	Menyerahkan kertas	<i>Michi o wataru</i>	Menyeberang jalan
<i>Hari ni ito o toosu</i>	Masukkan benang pada jarum	<i>Ie no mae o tooru</i>	Lalu depan rumah
<i>Nimotsu o orosu</i>	Menurunkan bagasi	<i>Densha o oriru</i>	Turun keretapi
<i>Shukudai o dasu</i>	Menghantar kerja rumah	<i>Heya o deru</i>	Keluar dari bilik

Pada kebiasannya, penekanan dibuat ketika kata kerja ini diperkenalkan tetapi untuk mendapat keberkesanannya dalam penggunaannya, kata kerja-kata kerja ini harus diperkenalkan secara berpasangan agar pelajar mendapat gambaran keseluruhan.

#### 5.3.4 Kata Kerja dalam Konteks

Penguasaan penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif ini memerlukan kemahiran lebih dari kemahiran nahu sahaja. Pelajar harus dapat memahami penggunaan kata kerja berkenaan dalam konteks bahasa Jepun dan memilih perkataan yang bersesuaian dengan konteks tersebut.

Berikut adalah contoh konteks yang dimaksudkan.

Senario: Seorang wanita telah kehilangan kunci rumah dan cuba membuka pintu dengan menggunakan dawai. Pada ketika itu, dia didatangi jirananya yang menghulurkan kunci yang telah tercincir.

**SAMPEL : Kata kerja dalam konteks**

1. 部屋に入ろうと思ったのですが、部屋の鍵が見つかりません。鍵をなくしてしまったようです。

「困ったなあ、① ドアがあかない。

② ドアをあけない。

③ ドアがあけられない。」

2. そこで、針金を鍵穴に入れて、開けようとしたのですが、なかなか

① あきません。

② あけません。

③ あけられません。」

3. それを見た隣を人が「どうしたんですか。」と聞きました。それで答えました。「実は鍵をなくしたので、

① ドアがあかないんです。

② ドアをあけないんです。

③ ドアがあけられないんです。」

4. 隣の人が「鍵ならありますよ。ここに落ちていました。これですか。」と鍵を見せました。「ええ、そうです。」ガチャガチャと鍵穴に入れる。」

「ああ、① あけた。」

② あいた。」

③ あけられた。」

Dalam konteks di atas, pilihan jawapan terdiri daripada variasi kata kerja yang bermaksud ‘buka’ seperti membuka, terbuka, boleh buka dan sebagainya. Bagi mendapatkan jawapan yang betul, kefahaman tentang konteks berkenaan adalah penting.

### 5.3.5 Rumus Am Kata Kerja

Pengajar perlu mendedahkan pelajar kepada rumus am kata kerja bahasa Jepun pada peringkat awal bagi memudahkan pelajar mendapatkan gambaran keseluruhan kata kerja. Dengan pendedahan kepada rumus am ini, sekurang-kurangnya pelajar bukan sahaja dapat mengkategorikan kata kerja kepada kumpulan yang lebih kecil malah maklumat ini dapat memberi keyakinan kepada pelajar dalam membezakan jenis-jenis kata kerja yang ada. Berikut disenaraikan rumus am tersebut:

- (a) Semua kata kerja yang berakhir dengan *-reru* adalah kata kerja tak transitif
- (b) Semua kata kerja yang berakhir dengan *-su* adalah kata kerja transitif
- (c) Semua kata kerja *-aru* yang bertukar kepada *-eru* akan menjadi kata kerja transitif

### 5.4 Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kategori-kategori kata kerja yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar-pelajar. Oleh kerana bahasa wujud dalam konteks, kita tidak dapat mengelak daripada melihat fungsi sesuatu golongan kata (parts of speech) itu berdasarkan sesuatu konteks. Bagi kes kata kerja transitif dan tak transitif, kajian ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan tentang klasifikasinya sahaja tidak mencukupi. Oleh yang demikian, sebagai lanjutan dari kajian ini, kajian

berkenaan pengetahuan tentang kata kerja dalam konteks budaya Jepun juga adalah penting. Sebagai contohnya:

1. *Ocha ga hairimashita.* (Teh sudah siap)
2. *Ocha o iremashita.* (Saya sudah sediakan teh)

Pada dasarnya, pelajar mungkin tahu tentang perbezaan di antara kedua-dua ayat di atas tetapi dalam budaya Jepun, ayat (1) lebih digemari berbanding dengan ayat (2). Kepada pelajar Malaysia, kedua-dua ayat tersebut mungkin tidak membawa banyak perbezaan dalam penggunaannya tetapi dalam budaya Jepun, ianya bermakna dari segi menggambarkan perasaan penutur. Banyak salah faham dalam komunikasi berlaku disebabkan oleh aspek budaya ini dan dengan itu kajian tentang penggunaan kata kerja dalam konteks budaya amat perlu dijalankan.

Dalam kajian kali ini, kaedah ujian yang digunakan lebih bersifat reseptif iaitu pelajar hanya diperlukan untuk memilih jawapan yang betul. Bagi kajian yang akan datang, kaedah yang memerlukan kemahiran produktif seperti menulis karangan atau perbualan akan digunakan agar maklum balas yang diperoleh itu lebih tepat.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya membataskan pasangan kata kerja transitif dan tak transitif yang berpasangan satu dengan satu. Selain daripada bentuk kata kerja ini, terdapat satu lagi kumpulan kata kerja yang mempunyai lebih dari satu pasangan kata kerja transitif atau tak transitif. Contohnya, pasangan kata kerja tak transitif bagi kata kerja transitif *okosu* ialah *okiru* dan *okoru*. Seorang penutur jati dapat membezakan

penggunaan kedua-dua kata kerja ini secara spontan tetapi penutur bukan jati sukar untuk membezakan penggunaan kedua-dua kata kerja tak transitif ini kerana tidak ada satu rumus yang khas. Justeru itu, satu kajian lanjutan perlu dibuat bagi mendapatkan satu cara yang mudah untuk membezakan penggunaan kata kerja dalam kumpulan ini.

## 5.5 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan hasil maklum balas tentang aspek kata kerja yang menimbulkan masalah atau yang sukar dikuasai oleh pelajar. Adalah diharapkan dapatan daripada kajian ini dapat membantu pengajar memahami proses pembelajaran yang berlaku dalam penguasaan bahasa sasaran iaitu bahasa Jepun di kalangan pelajar dan meramal kesilapan yang mungkin dibuat oleh pelajar berkaitan dengan penggunaan aspek kata kerja transitif dan tak transitif. Dengan adanya maklumat seperti ini, pengajar dapat merancang dan mengatur strategi pengajaran yang lebih efektif bagi membantu pelajar untuk menguasai bahasa Jepun.

Selain daripada itu, diharapkan juga hasil kajian ini dapat merangsang lebih banyak perbincangan lagi di kalangan pengajar dan menjadi satu cetusan ide untuk kajian-kajian yang akan datang.

## SENARAI JADUAL

JADUAL 1: Kursus bahasa Jepun di IPT	6
JADUAL 2: Kategori kata kerja bahasa Jepun (Teramura, 1975)	15
JADUAL 3: Fungsi kata kerja transitif dan tak transitif	17
JADUAL 4: Penggunaan partikel <i>o</i> dan <i>ga</i> dalam kata kerja transitif dan tak transitif	18
JADUAL 5: Pembahagian kata kerja transitif dan tak transitif (Tanaka, 1993)	20
JADUAL 6: Jenis-jenis kata kerja dan bilangan soalan	35
JADUAL 7: Skala gred	41
JADUAL 8: Peratus kekerapan kesilapan keseluruhan	42
JADUAL 9: Peratus kekerapan kesilapan mengikut hiraki	44
JADUAL 10: Peratus kekerapan kesilapan mengikut klasifikasi kategori	45
JADUAL 11: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori D1)	47
JADUAL 12: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori D2)	47
JADUAL 13: Perbandingan antara kata kerja D1 dan D2 (dalam ujian)	48
JADUAL 14: Perbandingan antara kata kerja D1 dan D2 (umum)	49
JADUAL 15: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori B2)	50
JADUAL 16: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori A1)	51
JADUAL 17: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C1)	55
JADUAL 18: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C2)	57
JADUAL 19: Soalan dan kekerapan kesilapan (Kategori C3)	57
JADUAL 20: Pembentukan kata kerja dalam bahasa Melayu dan corak kata kerja dalam bahasa Jepun	62
JADUAL 21: Contoh kata kerja berpasangan yang berkecuali	71